

Jenis Akhbar : Bernama Online
Tarikh : 10/04/2019
Edisi / Muka surat : www.bernama.com
Tajuk : ANGKASA pastikan selari dengan kerajaan dalam lahirkan ramai ahli koperasi

Angkasa pastikan selari dengan k'jaan dalam lahirkan ramai ahli koperasi

Tarikh kemaskini: 10/04/2019



Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) Datuk Abdul Fattah Abdullah (tengah) menyerahkan sumbangan Sudut Laman Angkasa kepada Pengerusi Kopersi Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Batu Pahat Emiruddin Jaafar (kiri) pada Persidangan Angkasa Johor di Dewan Sultan Ibrahim, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) hari ini. Hadir sama Pengerusi Angkasa Johor Sazali Abd Hamid (kanan).

BATU PAHAT, 10 April (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa) akan memastikan hala tuju pertubuhan berkenaan selari dengan visi kerajaan terutamanya dalam melahirkan lebih ramai lagi ahli koperasi yang berjaya.

Presidennya Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata sehubungan itu pihaknya akan memastikan semua anggotanya terlibat dalam usaha memastikan setiap langkah mereka selaras dengan Rangka Kerja Keusahawanan (NEF) yang dilancarkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan.

Menurutnya Angkasa hanya mempunyai lebih kurang sebulan dari sekarang untuk membuat persediaan dan menyelaras semula perkara yang terkandung di dalam NEF, di mana keputusan untuk mengguna pakai dasar NEF akan turut dibincangkan dalam persidangannya pada bulan Jun hadapan.

“Sekarang ini kita masih belum jelas lagi dengan NEF ini, namun kita memikirkan cara untuk memahaminya, selain memikirkan hala tuju baharu dengan mengikut setiap dasar yang dilaksanakan kerajaan.

“Angkasa ini dibangunkan bukan untuk pembangunan usahawan individu semata-mata tetapi juga berperanan membangunkan usahawan koperasi, dan sebab itulah ia penting mengikut setiap dasar yang dilaksana kerajaan,” kata Abdul Fattah, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian semasa Persidangan Angkasa Negeri Johor dan Majlis Penyerahan Laman Angkasa kepada Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Batu Pahat di Dewan Sultan Ibrahim, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), di sini.

Dalam perkembangan yang lain, Abdul Fattah berkata Johor bakal menjadi tuan rumah kepada Karnival Produk dan Perkhidmatan Koperasi Malaysia (MACCOPS) 2019 yang akan diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada di Johor Bahru pada 28 November sehingga 1 Disember ini.

Jelas beliau, MACCOPS 2019 juga menekankan konsep pertunjukan dagangan global yang memerlukan penglibatan koperasi-koperasi antarabangsa dan kerjasama dari Perikatan Koperasi Antarabangsa (ICAROAP).

Seramai 200 pempamer tempatan dan antarabangsa dijangka menyertai MACCOPS 2019.

-- *BERNAMA*